

Ogos-Oktober 2001

peneraju masa depan gemilang

# Persada

<http://www.unimas.gov.my>

Bil. 1



## Tun Salahuddin Canselor Kedua

S  
LG  
173  
K63  
P466  
Bil. 1  
Ogos / okt.  
2001



## Termasuk 2 penerima sulung PhD, 44 sarjana 788 TERIMA IJAZAH

**D**ua orang graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) adalah antara 788 graduan yang akan menerima ijazah masing-masing daripada Canselor Universiti Malaysia Sarawak, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin dalam upacara Konvokesyen Kelima di Dewan Unimas, di sini pada 4 Ogos ini.

Yang menerima Ijazah Doktor Falsafah ialah Encik Anderson Tiong, dalam bidang Kejuruteraan, dan Puan Ong Puay Hoon dalam bidang Sains Kognitif. Ini merupakan kali pertama Unimas menganugerahkan Ijazah PhD sejak Konvokesyen pertamanya pada 1997, kata Pemangku Naib Canselor, Prof. Yusuf Hadi dalam sidang media di Unimas baru-baru ini.

Dalam upacara yang dijangka turut dihadiri oleh Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud itu, dua

orang akan menerima Ijazah Kehormat.

Tun Ahmad Zaidi Aduce Muhammad Noor, mantan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak akan menerima Ijazah Doktor Persuratan secara *posthumous*. Tun Ahmad Zaidi yang juga mantan Canselor Unimas meninggal dunia di Pusat Rawatan Pakar Subang Jaya pada 5 Disember 2000.

Profesor Dr Abdul Latif Ibrahim, Pengarah Urusan, National Biotechnology Directorate, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan dianugerahi Ijazah Doktor Sains.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang mikrobiologi daripada University of Hawaii pada 1971 dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang yang sama daripada University of California pada 1976.

Sebanyak 44 graduan akan menerima

Ijazah Sarjana manakala 742 orang lagi menerima Ijazah Sarjana Muda masing-masing dalam Konvokesyen yang diadakan dalam dua sesi.

Ini termasuk seorang yang akan menerima Ijazah Sarjana Sains bidang Bioteknologi Perubatan secara *posthumous*, iaitu Allahyarhamah Halimah Mohamad yang terkorban dalam kecelakaan jalan raya pada Disember tahun lalu.

Bagi penerima Ijazah Sarjana, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) menyaksikan bilangan paling banyak dengan 33 graduan manakala fakulti lain ialah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), 3 orang, Fakulti Kejuruteraan (FK), Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) dan Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IKPM) masing-masingnya dua orang; dan Fakulti Sains dan

# Persada

peneraju masa depan gemilang

**KETUA EDITOR**  
Jeniri Amir

**EDITOR**  
Rosli Ismail  
Dayang Nor Hajjah Haji Awang Daud  
Masle Terhim

**PENYUMBANG**  
Awang Azman Awang Pawi

**JURUFOTO**  
Haimey Abdul Razak

**PENERBIT:**  
Bahagian Canselori,  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),  
94300 Kota Samarahan, Sarawak.  
Tel: 082-671000  
Laman web: [http// www. unimas.my](http://www.unimas.my)

**Persada** diterbitkan tiga bulan sekali  
sebagai wadah berita terkini warga kampus.

## MENARIK DI DALAM



Pesta Sukan Staf Unimas • halaman 20

Kampus Dalam Kota • halaman 10

Aneka Peristiwa • halaman 17



Graduan kita mampu tawan dunia  
• hal. 9



Jangan bergantung pada nota  
• hal. 6



Mengenangmu Tun Zaidi  
• hal. 14

## WACANA EDITOR

**S**ekali lagi Unimas menyaksikan kelahiran sekabalah graduan yang telah berjaya melalui kehidupan kampus yang penuh makna. Komitmen dan kegigihan mencari ilmu tanpa mengenal penat lelah, siang dan malam telah memungkinkan graduan meraih ijazah yang menjadi idaman mereka. Unimas tumpang gembira kerana telah menjadi institusi yang bertanggungjawab mencorak-warnakan kehidupan dan kerjaya mereka.

Namun, penerimaan ijazah pada hari ini hanyalah sebagai batu tanda bermulanya perjalanan beribu-ribu batu yang penuh simpang-siur di lebur raya kehidupan era pensejagatan yang sukar diduga. Melonjak atau merudumnya nasib seseorang di persada kehidupan banyak bergantung pada sikap, daya usaha, rangkaian, dan keinginan untuk terus meningkatkan keupayaan, kemahiran dan pengalaman. Mereka yang jumud akan kecundang.

Graduan baru meninggalkan kampus universiti sesudah bergelumbang dengan kuliah, tutorial, dan kegiatan keilmuan yang lain selama tiga atau lima tahun. Graduan akan melangkah ke Universiti Kehidupan yang sebenar – University of Life. Kalau di kampus pelajar dibimbing oleh pensyarah, di dunia luar, sebahagiannya ditentukan oleh diri sendiri. Justeru, perhitungan yang bijaksana akan menentukan tenggelam atau timbulnya seseorang di lautan kehidupan, dan sejauh mana ia mampu menangani gelombang cabaran.

Dalam hubungan ini, bagi mengekalkan daya saing di peringkat serantau dan sejagat, kita perlu berusaha keras untuk meningkatkan keupayaan untuk menyerap, menyebar dan memanfaatkan ilmu, kemahiran, teknologi dan pengalaman. Demi ketahanan masa depan dan agar lulusan Unimas sentiasa relevan, maka universiti telah berusaha untuk mengemas kini kurikulum kursus yang ditawarkan.

Unimas mahu muncul sebagai peneraju keunggulan – menjadikan keunggulan dalam apa-apa bidang, baik pengajaran-pembelajaran, penyelidikan mahupun keserjanaan sebagai keghairahan utama. Hanya dengan itu, pelajar yang dicanakannya melalui pelbagai kursus teras, pelengkap dan generik dapat menjadi insan yang berkembang secara seimbang, bersepadu dan holistik.

Era globalisasi ialah era yang serba mungkin. Perubahan akan berlaku dengan pantas dalam semua bidang ekoran ledakan teknologi maklumat. Oleh itu, bagi memastikan kita tidak tergelincir dari landasan, amatlah mustahak kita berpegang teguh pada agama, kebudayaan, norma dan nilai murni kehidupan. Biar kepala mencecah awan-gemawan, tetapi kaki tetap berjejak kukuh di bumi. Kejayaan yang digapai tidak harus mengubah nilai murni seperti bertanggungjawab, berdisiplin, berakhlak, beretika, dan amanah kepada tugas yang diberikan. Selamat mengharungi kehidupan di kampus Universiti Kehidupan yang maha luas.



**P**elajar institusi pengajian tinggi disarankan supaya mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk menghadapi tuntutan dan cabaran era pensejagatan.

Mereka perlu memperluangkan diri dari segi pendidikan dan mental bagi menghadapi era k-ekonomi demi merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengukuhkan pembangunan sumber manusia dalam mengeluarkan tenaga pekerja yang berpengetahuan, cekap, dan produktif, kata Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Tegas beliau, k-ekonomi memerlukan sumber manusia dilatih agar memperoleh pelbagai ilmu, kemahiran dan pengalaman yang sesuai.

"Usaha ke arah ini perlu bagi melahirkan tenaga manusia yang bukan sahaja produktif, tetapi juga mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi bagi melonjakkan kejayaan dan prestasi negara," katanya.

Beliau yang juga Pro-Canselor Unimas berkata demikian pada Majlis Ikrar Pelajar Baru Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) Sesi 2001/2002 di kampus Unimas, di sini pada 25 Mei lalu.

Pada majlis itu Ketua Menteri turut 'berandau' dengan kira-kira 1,300 pelajar baru.

Yang turut hadir ialah isteri Ketua Menteri, Datuk Amar Puan Sri Hajah Laila Taib, Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd.Noor, Pemangku

MALIS  
KRAR PELAJAR  
SESI 2001/02  
25 MEI 2001

# BERSEDIA HARUNGI PENSEJAGATAN



Naib Canselor, Profesor Yusuf Hadi, dekan, dan pengurus.

Taib menegaskan, dalam era k-ekonomi dan globalisasi, pelajar hendaklah menunjukkan komitmen yang tinggi ketika mencari ilmu, terutama yang berkaitan dengan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

"Proses pembelajaran dalam era globalisasi jauh lebih maju daripada pendidikan dekad 60-an dahulu, kerana kini kita diledakkan dengan era k-ekonomi dan globalisasi.

"Pelajar tidak boleh lagi menganggap pendidikan sebagai suatu pilihan, tetapi suatu kemestian, dan belajar ialah proses dan komitmen sepanjang hayat. Mereka perlu menjadikannya sebagai satu budaya dan cara hidup. Pelajar perlu bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri, dan sekali gus memanfaatkan segala sumber dan peluang

untuk meningkatkan keupayaan diri," katanya.

Beliau mengingatkan pelajar dan masyarakat supaya melipatgandakan usaha jika mereka mahu mengubah taraf hidup dan mencapai kejayaan dalam era yang semakin tajam persaingannya.

"Kerajaan telah menyediakan segala kemudahan, maka terpulanglah kepada rakyat untuk merebut peluang yang disediakan, dan bukannya menunggu peluang datang kepada mereka," kata Taib.

Bagi menghadapi era itu juga, Taib menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa mempergiat usaha untuk memastikan lebih banyak rakyat dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi menerusi penawaran kursus yang sesuai dengan keperluan dan peluang yang bakal wujud dalam era globalisasi.

Katanya, jika masyarakat lambat bertindak

dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa berubah, mereka akhirnya akan tertinggal di belakang.

Beliau percaya bahawa tahun 2007 akan menjadi penanda aras berkenaan dengan dampak pensejagatan apabila pasaran yang benar-benar terbuka diamalkan, dan pada ketika itu nanti bank asing akan beroperasi di Malaysia.

Pada ketika itu juga, syarikat gergasi dari Barat akan memperluas operasi mereka dengan modal yang banyak dan teknologi yang lebih canggih, serta ketrampilan yang lebih tinggi hingga mungkin boleh menjejaskan produk dan perkhidmatan keluaran Malaysia di pasaran tempatan, katanya.

Justeru, katanya, hanya mereka yang memiliki kemahiran, latihan, dan pengalaman profesional yang sesuai mampu menanggapi tuntutan dan keperluan pasaran kerja.

**P**elajar Unimas perlu banyak membaca dan membaca dengan luas, dan bukannya semata-mata bergantung pada nota, kata Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor.

"Bagi menghadapi era baru membaca penting kerana kalau pelajar hanya bergantung pada nota, maka mereka hanya akan memperoleh fakta, bukannya pengetahuan dan ilmu," katanya pada Majlis Ikrar Pelajar Baru Sesi 2001/2002 di Dewan Unimas di sini, baru-baru ini.

Kira-kira 1,300 orang pelajar baru daripada lapan fakulti membaca ikrar dan menyanyikan lagu "Unimas Gemilang" di majlis itu, sebagai menandakan berakhirnya Minggu Aluan Pelajar selama seminggu. Dalam minggu aluan pelajar pelbagai aktiviti, termasuk taklimat tentang program, persembahan kebudayaan, dan riadah diadakan.

Katanya, satu lagi cara bagi menyiapkan diri untuk menghadapi era baru adalah dengan pembelajaran berterusan melalui konsep pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan minda serta imaginasi.

"Pembangunan sepanjang hayat bermakna pembangunan ketrampilan, ilmu dan pema-haman yang diperlukan untuk kerjaya dan kepuasan hati dengan cara berterusan," katanya.

Tan Sri Bujang menekankan bahawa amatlah penting pelajar belajar untuk belajar, iaitu belajar cara mengingat ilmu dan menggunakan ilmu untuk meningkatkan prestasi.

Yang penting, katanya ialah pelajar perlu mengubah sikap dan amalan daripada bersikap pasif kepada bersikap aktif, termasuk selepas menamatkan pengajian nanti.

Selain menekankan betapa perlunya membaca dibudayakan dalam diri ketika menuntut ilmu di kampus, beliau turut menggariskan tujuh perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh pelajar.

- Tekun belajar dan mengetahui cara belajar supaya usaha tidak sia-sia.
- Belajar mengurus diri supaya mengelakkan diri daripada hanyut di kampus.
- Belajar mengurus masa, kerana belajar akan menjadi beban jika pelajar tidak mengurus masa dengan baik.
- Berusaha menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa.
- Belajar mencari dan memproses maklumat dengan menguasai teknologi maklumat dan komunikasi.
- Melibatkan diri dalam aktiviti persatuan, sukan, dan budaya.



Dari kiri: Prof. Rashid Abdullah, Tan Sri Bujang, Prof. Yusuf dan Prof. Khairuddin di Majlis Ikrar Pelajar.

# JANGAN BERGANTUNG PADA NOTA

• Sensitif kepada hal-hal semasa mengenai negara dan dunia supaya sentiasa bersedia menghadapi permintaan dan cabaran masa depan.

Sementara itu, beliau berharap agar suasana aman dan harmoni antara suku kaum di Sarawak akan menjadi dorongan kepada pelajar untuk menjadi warga Malaysia yang bersifat toleran, hormat-menghormati, sanggup bertolak ansur dan bekerjasama.

Sarawak dengan penduduk sekitar 2.2 juta orang terdiri daripada lebih daripada 25 suku kaum, termasuk Melayu, Iban, Cina, Melanau, Bidayuh, Orang Ulu, Penan, Kejaman, Bisaya, dan Lahanan yang mempunyai sejarah, budaya, dan agama yang berlainan.

"Integrasi kaum perlu ditekankan, dengan tidak mengamalkan polarisasi. Unimas boleh

dijadikan model integrasi nasional," tegas beliau.

Katanya, universiti ialah tempat untuk pelajar mencari kawan-kawan yang akan terlibat dalam kerjaya hidup. Pelajar perlu memperluas rangkaian untuk mencari bakal rakan kongsi perusahaan yang dirancang atau bakal ahli kumpulan yang dapat memperjuangkan sesuatu bidang atau matlamat.

Tan Sri Bujang menasihati pelajar supaya gigih dan komited mencari ilmu ketika di kampus sebagai persiapan menghadapi era k-ekonomi, dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan negara menempuh era baru itu.

"K-ekonomi memerlukan pekerja dilatih supaya memperoleh pelbagai ilmu dan ketrampilan, serta mendapat maklumat yang diperlukan dengan cepat," katanya.

# 25,000 dijangka kunjungi Pesta Konvo

Oleh ROSLI ISMAIL

**S**ebanyak 25,000 pelawat dijangka mengunjungi Pesta Konvo bersempena Konvokesyen Unimas Kelima 4 Ogos ini. Pesta Konvo itu akan dirasmikan oleh Canselor Unimas, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin pada pukul 3.00 petang, 3 Julai di halaman Canselori.

Beliau yang juga Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak akan menerima tabik hormat daripada 105 anggota kadet PALAPES, Unimas, kata Pengerusi Jawatankuasa Pesta Konvokesyen, Profesor Sulaiman Haji Hanafi.

Profesor Sulaiman yang juga Dekan, Pusat Pemajuan Pelajar berkata, Tun Salahuddin kemudiannya akan dibawa melawat lebih 100 buah gerai kelolaan fakulti tentang program masing-masing, selain gerai makanan, minuman, buku, peralatan dan komputer. Gerai-gerai yang ditempatkan di ruang letak kereta berbumbung itu akan turut menjual barangan elektrik, cenderamata, dan perabot.

"Pesta Konvo bertujuan untuk memeriahkan suasana konvokesyen, menarik lebih



Prof. Sulaiman Haji Hanafi

ramai pengunjung ke kampus, sekali gus menarik klien, iaitu bakal pelajar supaya melanjutkan pelajaran di Unimas.

Pesta ini memberi peluang kepada ibu bapa dan anggota masyarakat, termasuk pelajar tentang peluang pendidikan, dan kemudahan di sini selari dengan konsep kampus terbuka yang kita amalkan. Itulah sebabnya kita babitkan masyarakat luar dalam kegiatan yang kita anjurkan," katanya, sambil menambah bahawa pelbagai kegiatan bercorak pendidikan, kebudayaan dan sukan akan diadakan.

Katanya, banyak kegiatan telah pun dijalankan menjelang upacara konvokesyen, bermula pada 9 Julai, dengan kegiatan sukan antara fakulti dan sukan jemputan, seperti tarik tali, badminton, tenis meja, squasy, futsal, dan bola sepak.

Mengikuti Profesor Sulaiman yang telah menjadi pengerusi sejak Pesta Konvo pertama lima tahun lalu, acara lain yang dijangka menarik perhatian ialah pertandingan memancing di kolam Unimas dengan menawarkan hadiah hamper, selain persembahan pertandingan karaoke dan penampilan Fifth Wave Band dalam persembahan kebudayaan pada malam 4 Julai.

Beliau berharap orang ramai akan mengambil peluang ini untuk mengunjungi kampus Unimas bagi sama-sama meraikan hari yang bersejarah dan meriah itu.

"Mereka dapat melihat sendiri pencapaian Unimas, kemudahan dan program yang ditawarkan, selain menjamu selera dan berhibur. Selain itu, siapa tahu mereka juga dapat membawa balik hadiah kerana kita juga akan mengadakan cabutan tiket bertuah," katanya.

## Penerima Ijazah Doktor Falsafah perintis ialah Encik Anderson Tiong, dalam bidang Kejuruteraan (Elektronik dan Telekomunikasi), dan Puan Ong Puay Hoon dalam bidang Sains Kognitif.


Teknologi Sumber (FSTS) serta Fakulti Teknologi Maklumat masing-masingnya seorang.

Fakulti Sains Sosial (FSS) akan menyaksikan jumlah penerima Ijazah Sarjana Muda paling banyak dengan 184 graduan. Graduan-graduan lain adalah daripada Fakulti Kejuruteraan (FJ) 98, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) 70, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) 87, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) 60, Pusat Pengajian Bahasa (PPB) 15, dan, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), 59 orang.

Daripada keseluruhan 742 graduan Ijazah Sarjana Muda, 427 ialah perempuan dan 315 orang lelaki.

Jumlah keseluruhan graduan yang menerima Ijazah Sarjana Muda sejak Konvokesyen pertama ialah 1521 orang.

### GRADUAN PRASISWAZAH UNIMAS 2001



# Tun Salahuddin terima watikah

**Y**ang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin menerima Watikah Pelantikan sebagai Canselor Universiti Malaysia Sarawak daripada Pro-Canselor, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud di Astana Negeri 26 Julai lalu.

Taib yang juga Ketua Menteri Sarawak menyerahkan watikah berkenaan kepada Tun Salahuddin yang diperkenankan bagi tempoh tiga tahun oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdul Aziz Shah, mulai 16 Mei lalu.

Upacara ringkas tetapi cukup bermakna itu turut disaksikan oleh pihak pengurusan kanan Unimas, termasuk Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Noor, Pemangku Naib Canselor, Prof. Yusof Hadi, Pemangku Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Profesor Abdul Rashid Abdullah dan Profesor Khairuddin Abd Hamid.

Sebagai ketua upacara universiti, tugas pertama Tun Salahuddin ialah mempengerusikan Konvokesyen Kelima Unimas pada 4 Ogos ini. Beliau akan turut merasmikan Pesta Konvokesyen sehari sebelumnya.

"Warga Unimas bergembira dan berasa bertuah mendapat seorang Canselor yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan sosial. Kami yakin TYT Tun akan dapat memberi bimbingan, nasihat dan pandangan dalam pengurusan dan pembangunan Universiti ini untuk menjayakan misi Unimas menjadi universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa" kata Pemangku Naib Canselor Profesor Yusof Hadi dalam ucapan tahniah kepada Canselor baru itu.

Kata beliau: "Kepemimpinan TYT Tun amat dinanti-nantikan untuk menjayakan perancangan pembangunan Unimas. Pihak pengurusan Unimas akan, dari masa ke masa, memohon nasihat mengenai perkara-perkara tertentu berkaitan dengan urusan Unimas, dan menjemput TYT Tun ke upacara tertentu yang dianjurkan oleh Unimas."

Tun Salahuddin dilantik sebagai TYT untuk pertama kali pada 2 April 1977 bagi satu penggal hingga 2 April 1981. Kemudian, beliau dilantik semula sebagai Pemangku TYT dari 1990 hingga 1999 untuk beberapa kali. Beliau dianugerahi darjah kebesaran tertinggi Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) yang membawa gelaran 'Tun' daripada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong Malaysia pada 7 Jun 1978.



**Datuk Patinggi Taib menyampaikan watikah kepada Tun Salahuddin sambil disaksikan oleh Tan Sri Bujang.**

Pelantikan beliau sebagai TYT ialah ekoran kematian Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Adruce Muhammad Noor pada 5 Disember 2000.

Dilahirkan pada 27 Ogos 1921 di Kampung Nanga, Sibul, beliau ialah anak tunggal Allahyarham Abang Barieng bin Abang Anyut, pemimpin masyarakat kaum Melanau dan tokoh terkenal di Sibul, dan Allahyarhamah Dayang Temiang binti Abang Mansor. Seperti ayah beliau, Tun Salahuddin bergiat aktif dalam perkembangan politik Sarawak sebelum dan menjelang pembentukan Malaysia. Beliau merupakan salah seorang pengasas Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA).

Terkenal dengan sikap bermurah hatinya dan kecintaannya terhadap rakyat di negeri ini, Tun Salahuddin mewakili Jawatankuasa Cobbold pada 1962. Jawatankuasa itu dipertanggungjawabkan untuk meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia.

Sesudah menamatkan pelajarannya, Tun Salahuddin bertugas sebagai Inspektor Percubaan Kesihatan, jawatan yang disandangnya sebelum pendudukan Jepun. Selepas perang tamat, beliau bertugas sebagai

Inspektor Kerajaan Tempatan Percubaan hingga Oktober 1947.

Dua tahun kemudian beliau menyertai Jabatan Pendaftaran Negara.

Dari 1952 hingga 1963, Tun Salahuddin bertugas dengan Jabatan Kerja Raya sebelum meletakkan jawatan untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum pertama. Beliau memenangi pilihan raya itu tetapi pada 1968, beliau meletakkan jawatan, dan menyertai Jabatan Kerja Raya sekali lagi.

Sesudah itu beliau bertugas sebagai Ketua Kerani di Pejabat Daerah Sibul. Pada Januari 1974, beliau dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri sebelum menjadi Pengerusinya oleh Gabenor pada waktu itu.


Semasa ayah beliau meninggal dunia, Tun Salahuddin berusia 31 tahun, dan dilantik sebagai Ketua Kampung. Dengan adanya Skim Ketua Masyarakat, beliau dilantik sebagai Pemanca, jawatan yang dilepaskannya selepas dilantik menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Tun Salahuddin yang berminat dalam bidang fotografi banyak melibatkan diri dalam kegiatan kebajikan sosial dan telah menyumbangkan tenaganya dalam pelbagai pertubuhan sukarela.

# KITA MAMPU TAWAN DUNIA

**"Graduan Unimas boleh melangkah dari kampus ke alam luar dengan penuh keyakinan. Mereka sudah mendapat bimbingan yang mencukupi untuk menghadapi alam kerja di mana-mana sektor, sama ada di sektor awam atau sektor swasta."**

**E**mpat hari menjelang Konvokesyen Kelima, wakil *Persada* AWANG AZMAN AWANG PAWI berkesempatan mewawancara Pemangku Naib Canselor Unimas, PROF YUSUF HADI di Pejabat Naib Canselor, berkaitan dengan konvokesyen, Pesta Konvo, harapan beliau terhadap graduan, dan juga kampus baru Unimas. Dalam wawancara selama sejam itu, Prof Yusuf kelihatan santai, sesekali serius dan sesekali tergelak riang apabila diajak dengan soalan-soalan yang mencuit perasaan beliau. Prof Yusuf pernah menjadi Dekan, Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia, Serdang pada usia 28 tahun, dan antara peneraju perintis Unimas pada 1993. Disebabkan keterhadan ruang, hanya sebahagian daripada hasil wawancara itu dapat disiarkan.



Dengan segala kemahiran yang dibekalkan, graduan Unimas dapat mengharungi cabaran masa depan. - Prof. Yusuf Hadi.

**Nampaknya Prof begitu ceria... Kalau dapat Prof gambarkan perasaan Prof menjelang Majlis Konvo kelima ini?**

Majlis Konvo berbeza dibandingkan dengan acara tahunan yang lain. Walaupun sudah empat kali menganjurkan majlis ini di Unimas, majlis konvo tetap mempunyai keistimewaannya sendiri. Ia merupakan majlis yang menunjukkan hasil usaha staf Unimas hari demi hari. Pada majlis konvo, kita boleh

melihat graduan, dengan penuh kebanggaan, menerima skrol masing-masing daripada Tun Canselor. Mata dan telinganya menunggu cahaya dan bunyi dari kamera dengan harapan detik bersejarah itu dapat diabadikan. Terbayang kegembiraan dan kesyukuran di hati ibu bapa dan kaum kelu-

arga yang menyaksikan anak mereka melangkah dengan jubah dan topi akademiknya di atas pentas. Ini sama kepuasannya dengan mendengar taklimat mengenai penemuan penyelidikan dan melihat senarai penerbitan yang dihasilkan oleh staf akademik.

**Keistimewaan majlis konvo tahun ini?**

Setiap majlis konvo sebelum ini ada keis-

timewaannya. Konvo pertama menghasilkan graduan perintis Unimas. Konvo seterusnya menyaksikan graduan perintis bagi program tertentu. Konvo keempat pada tahun lepas menyaksikan pertama kalinya ijazah kehormat dianugerahkan. Ada sekurang-kurangnya dua perkara yang istimewa pada

Konvo kelima ini. Daripada 788 graduan yang akan menerima skrol masing-masing ialah dua penerima ijazah Doktor Falsafah (PhD), pertama dari Unimas. Tidak kurang istimewa ialah anugerah ijazah kehormat Doktor Persuratan *posthumous* kepada Allahyarham Tun Ahmad Zaidi Aduce bin Muhamad Noor. Pada masa hayatnya, Unimas tidak dapat mengiktiraf jasa dan sumbangannya kerana beliau, sebagai Canselor, tidak sewajarnya menganugerahkan ijazah kepada diri sendiri!. Walaupun universiti lain menganugerahkan ijazah kehormat kepadanya. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

**Bolehkah Prof komen mengenai venue Konvo kali ini? Pada masa lepas ia pernah diadakan di luar kampus.**


Konvo pertama diadakan di Dewan Santapan, Dewan Undangan Negeri Sarawak. Ini bertepatan dengan kegemilangan majlis yang ulung itu. Majlis Konvo keempat

*Bersambung di mld 12*

Oleh JENIRI AMIR DAN AWANG AZMAN



Terorong Utiliti 3 km panjangnya



**D**ari jauh lagi ketika menyusuri Lebuhraya Kuching-Samarahan menuju ke kampus baru Unimas sudah kelihatan dua buah menara air setinggi 60 meter – menyamai bangunan 20 tingkat. Atau hampir setinggi Wisma Bapa Malaysia di Petra Jaya. Menara mercu tanda dengan jarak 400 meter antaranya itu semakin kelihatan tersergam perkasa apabila anda mendekati kampus.

Anda akan memandu masuk melalui jalan utama empat lorong sepanjang 314 meter. Papan tanda "Unimas" mempersilakan anda masuk. Di tengah-tengah jalan laluan pejalan kaki, sementara di kiri kanannya ialah pokok merimbun dan bunga berwarna-warni. Terbayang-bayang jalan luas ini digunakan untuk pembarisan sempena hari kebesaran. Seperti Avenue des Champs-Elysees di Paris.

Jalan masuk menuju ke Dataran Universiti. Anda berdiri di atas dataran yang luasnya 300 m kali 300 m. Anda akan melihat pemandangan kampus yang menakjubkan. Di dataran bertingkat ini anda akan segera terpukau oleh air pancutan dan kehebatan seni reka dan struktur binaannya. Inilah tempat pertemuan pelajar, tempat kegiatan kampus menggelegak – menjadi lambang keperkasaan dan keagungan sebuah universiti yang berpandangan jauh ke hadapan tetapi berperwatakan sezaman.


*Bersambung di muka 13*

**“Graduan Sarjana Muda Unimas boleh melangkah dari kampus ke alam luar dengan penuh keyakinan.”**





Pelan kampus baru serba canggih.



Aktiviti kerja tanah dan prasarana giat dijalankan.

# DALAM KOTA



“ Kursus pembangunan generik seperti ICT, bahasa dan komunikasi, serta pengurusan telah membimbing saudara-saudari menjadi individu yang holistik dan seimbang.”

b/santia de m/s 9

diadakan di Stadium Perpaduan, Petra Jaya untuk menampung bilangan graduan yang meningkat. Konvo yang sebelumnya diadakan di Dewan Unimas. Pihak penganjur telah berbincang panjang lebar mengenai *venue* Konvo Kelima ini. Akhirnya, diputuskan supaya diadakan di Dewan Unimas. Ia diadakan dalam dua sesi, pagi dan petang, untuk menampung graduan yang semakin ramai. Kebaikan mengadakan Konvo di dalam kampus ialah memeriahkan kampus sepanjang Pesta Konvo. Ini memberi peluang kepada ahli masyarakat, termasuk graduan dan ahli keluarga masing-masing, mengunjungi kampus dan mengenal Unimas dengan lebih dekat.

**Unimas mengamalkan konsep kampus terbuka dengan memberi peluang kepada masyarakat luar untuk memabitkan diri dalam kegiatannya. Bagaimana-kah perkara ini dijelmakan dalam konvo kali ini?** Sempena konvo kelima, diadakan Pesta Konvo selama empat hari dari 2 hingga 5 Ogos 2001. Pada tahun-tahun lepas, ia dinamakan Hari Terbuka. Wakil pelajar telah mencadangkan nama ditukar kepada Pesta Konvo supaya lebih menggambarakan hubungannya dengan majlis konvo itu sendiri. Hari Terbuka boleh diadakan pada bila-bila masa. Seperti juga pada tahun-tahun lepas, acara Pesta Konvo termasuklah pameran yang mempromosikan program akademik yang ditawarkan oleh Unimas dan memberi maklumat mengenai pelbagai kemudahan dan aktiviti yang ada di kampus. Diharap Pesta Konvo akan dapat memberi peluang kepada orang ramai mengunjungi kampus dan mengenal Unimas dengan lebih dekat. Ini dibuat sambil berhibur dengan pertunjukan dan aktiviti sukan, kebudayaan dan kesenian, yang dianjurkan pada Pesta Konvo. Pengunjung juga boleh menjamu selera dengan berbagai-bagai juadah yang ditawarkan, atau mengunjungi gerai yang mempromosi dan menjual pelbagai barangan.

**Pesanan Prof kepada graduan yang akan menerima ijazah masing-masing dalam Konvo Kelima ini.**

Graduan Sarjana Muda Unimas boleh melangkah dari kampus ke alam luar dengan penuh keyakinan. Saudara-saudari sudah mendapat bimbingan yang mencukupi untuk menghadapi alam kerja di mana-mana sektor, baik sektor awam atau sektor swasta. Saudara-saudari telah mendapat ilmu dan ketrampilan yang sewajarnya dalam bidang pengkhususan masing-masing. Selain daripada itu, saudara-saudari telah memperoleh ilmu dan ketrampilan dari segi pembangunan generik untuk menyediakan saudara-saudari menghadapi cabaran dalam suasana kerja dan corak hidup yang akan menjelma pada masa akan datang. Kursus pembangu-



nan generik seperti ICT, bahasa dan komunikasi, serta pengurusan pastinya telah membimbing saudara-saudari menjadi individu yang holistik dan seimbang. Graduan pascasiswazah juga telah mendapat peluang mengikuti kursus yang mencukupi dan/atau menjalankan penyelidikan dalam bidang masing-masing.

**Bagaimana dengan perkembangan kampus baru? Apakah ciri-ciri kampus baru yang boleh menarik staf akademik dan pelajar?**

Staf akademik memerlukan suasana tenang untuk mereka menjalankan tugas — mereka bentuk dan mengemas kini kursus, berfikir dan merancang penyelidikan, membaca dan mengakses maklumat dari internet.

Di kampus baru kita menyediakan bilik untuk semua peringkat pensyarah. Juga akan disediakan makmal, perpustakaan dan ruang kuliah yang lebih baik. Bagi pelajar, kita menyediakan kolej pelajar yang berbentuk 'apartmen'. Satu apartmen menempatkan lapan pelajar dan mereka, sebagai satu kumpulan, bertanggungjawab terhadap kebersihan dan keselesaan apartmen masing-masing. Kampus baru akan juga menyediakan kemudahan sukan dan riadah.

**Di kampus baru akan ada Fakulti Perubatan. Kalau dapat Prof jelaskan sedikit tentang Fakulti Perubatan yang akan dibina itu?**

Dalam perancangan asal, bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berserta dengan Hospital Pengajar dicadang dibina dalam Fasa 2. Tempatnya bersama-sama dengan bangunan lain di tapak kampus baru Unimas. Peruntukan dijangka daripada pinjaman dari Jepun. Awal tahun ini, rancangan diubah dan bangunan Fakulti dan Hospital Pengajar dicadang dibina bersebelahan dengan hospital swasta yang sedang dirancang untuk dibina di *Sarawak International Medical Centre* (SIMC), terletak di sebelah utara tapak tetap

Unimas. Konsepnya, Hospital pengajar Unimas akan berkongsi kemudahan dan peralatan, terutama sekali yang canggih dan mahal, dengan hospital swasta SIMC. Peruntukan untuk ini kini dijangka daripada Kerajaan Pusat. Kini kita sedang dalam peringkat perbincangan dengan SIMC mengenai kerjasama ini. Projek ini dijangka siap dalam masa lima tahun akan datang. Menunggu siapnya kemudahan di SIMC, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan akan menggunakan bangunan baru yang akan siap pada penghujung tahun ini di bandar raya Kuching, di samping kemudahan di Hospital Umum Sarawak dan hospital di beberapa hospital lain di Sarawak, pejabat di Bormill Estate Kuching dan kemudahan yang akan siap tidak lama lagi di Bau.

*d*  
Dari muka 10

Di hadapan tersergam gagah dan indah Gerbang Canselori. Di sebelah kiri dataran tersergam indah Dewan Raksasa yang bakal menjadi hos kepada majlis konvokesyen Unimas, konvensyen, seminar, pameran, ekspo dan sebagainya, dan juga bangunan Pusat Pemajuan Pelajar. Di sebelah kanan bangunan Canselori, Pentadbiran dan Perpustakaan.

Selamat Datang ke Kampus Baru



Prof. Yusuf Hadi dan Encik Ahmad (kanan sekali) menerangkan sesuatu kepada Awang Azman (kiri sekali).

Universiti Malaysia Sarawak! Anda akan segera masuk ke kampus di dalam kota, dan kota di dalam kampus.

Sila masuk melalui Gerbang Canselori. Anda merasa tiupan angin sejuk dari arah tasik. Lorong jalan kaki ke kiri menuju ke bangunan fakulti dan institut berasaskan sains. Lorong pejalan kaki ke kanan menuju ke fakulti, institut dan pusat dalam kelompok sastera.

Tasik luas 16 hektar (40 ekar). Dua menara air di tebing selatan dan utara tasik. Jambatan menghubungkan bahagian pertengahan tasik untuk memudahkan warga kampus pergi dari kolej pelajar di tebing selatan ke kolej pelajar dan bangunan akademik dan pentadbiran di tebing utara, dan sebaliknya. Selain dari untuk memberi suasana yang indah dan ceria, tasik dibina untuk menakung

air di kawasan bekas paya ini dan sekali gus menstabilkan kawasan setelah kawasan dibangunkan. Tasik juga untuk beriadah. Sukan air seperti berdayung perahu, berkayak, dan 'regatta' boleh dijalankan.

Menara air. Pembinaan satu daripada menara air memerlukan tuangan simen selama 20 jam tanpa henti ke dalam lubang terbesar di Sarawak. Ini untuk meneguhkan asas menara berkenaan yang menampung tangki air berkapasiti 500,000 meter padu. Menara juga mempunyai pelbagai fungsi. Satu dari-

padanya, yang dilengkapi anak tangga, bakal muncul sebagai menara pemandangan untuk melihat keindahan kampus dan bandar raya Kuching dari udara. Ada rancangan untuk membina lif pada masa akan datang untuk memudahkan pengunjung ke pelantar pemandangan - *viewing platform* - di atas menara. Menara satu lagi menempatkan perkasasan telekomunikasi.

Di kaki menara ada kafeteria untuk menjamu selera warga kampus dan juga pengunjung. Ada tempat menjamu selera lain di beberapa tempat di sekitar kampus. Selain daripada kedai makan, kampus menempatkan kedai yang menjual barangan lain seperti buku, alat tulis, komputer, pakaian dan alat sukan. Kedai lain memberi perkhidmatan fotostat, penjilidan, internet dan sebagainya. Kedai-kedai ini diselit di antara kolej

pelajar, pejabat, ruang kuliah dan makmal. Suasana ini disifatkan sebagai universiti bandar atau 'town and gown' dalam tradisi Oxbridge di England.

Kampus yang akan menempatkan 10,000 pelajar menjelang tahun 2005 dan 20,000 pelajar pada tahun 2010 ini memerlukan kemudahan bekalan barangan dan perkhidmatan dalam dan berdekatan dengan kampus. Oleh itu Unimas akan menjadi kota di dalam kampus dan kampus di dalam kota. Kampus Unimas dan Kota samarahan akan

berkembang bersama-sama dirangkaikan sebatang jalan dan sebuah jambatan menyeberangi sungai.

Spine ke kiri. Lorong pejalan kaki 20 meter lebar menghubungkan bangunan. Sebelah jalan ditanam pokok untuk melindungi daripada cahaya terik matahari dan memberi pemandangan yang menarik. Sebelah lagi untuk pejalan kaki. Sebenarnya setiap bangunan dapat juga dihampiri melalui kereta, menggunakan jalan lingkaran di keliling kampus. Anda meletak kereta di ruang yang

disediakan.

Di bawah spine terletak terowong utiliti berukuran 3 m tinggi dan 2 m lebar yang menempatkan paip air serta kabel elektrik dan telekomunikasi. Terowong memudahkan kerja penyenggara dan menaik taraf kapasiti air, elektrik dan telekomunikasi kerana tidak perlu menggali permukaan jalan dan kawasan keliling untuk memasang paip dan kabel baru. Ini sekali gus mengurangkan kos penyenggaraan dan kos menaik taraf kemudahan kelak.

Kebanyakan bangunan dihubungi dengan lorong pejalan kaki berbumbung untuk membolehkan warga kampus bergerak dalam cuaca panas dan hujan. Kemudahan mesra pengguna lain termasuk kemudahan

*Bersambung di muka 16*




# Mengenangmu Tun Zaidi

## Perginya seorang nasionalis

**"INGATLAH,** setiap graduan Unimas ialah duta dan pembawa bendera Unimas. Kibarkanlah bendera Unimas dengan megah di mana-mana sahaja anda berada. Segala kelebihan, ketrampilan, dan keupayaan anda akan menjadi nyata dalam tempoh singkat, baik di tempat kerja atau di kalangan masyarakat masing-masing. Penilaian dan penerimaan masyarakat terhadap Unimas sebagai sebuah universiti bergantung pada keupayaan dan sikap anda. Oleh itu, kukuhkan sikap positif dan teruskan berbakti dengan ikhlas".

Bagi 153 orang graduan perintis Universiti Malaysia Sarawak yang mendengar kata-kata itu sebelum menerima ijazah masing-masing pada 9 Ogos 1997 di Dewan Undangan Negeri Sarawak, nasihat itu kini mungkin terbukti benar. Teruskan berbakti dengan ikhlas, kerana budi yang baik tetap dikenang orang. Bak kata-kata dalam pantun Melayu

Pisang emas bawa berlayar,  
Masak sebiji di atas peti;  
Hutang emas dapat dibayar,  
Hutang budi dibawa mati.

Nasihat itu bukan sahaja berpandangan jauh, tetapi diucapkan dengan jujur, berdasarkan pengalaman luasnya sebagai

pendidik, sejarawan, nasionalis bangsa, ahli politik, dan akhir sekali sebagai Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Tun Ahmad Zaidi, sebenarnya membuktikan hakikat, bagaimana benih yang baik jika jatuh ke laut akan menjadi pulau perkasa, dan jika jatuh ke darat menjadi gunung agung.

Tokoh itu kini, tidak lagi bersama kita dalam Konvokesyen Kelima ini, seperti pada tahun lepas, kerana beliau telah pun kembali ke Rahmatullah di Pusat Rawatan Pakar Subang Jaya pada usia 77 tahun, 5 Disember tahun lalu. Bagaimanapun, segala nasihat dan budi dan jasa baik beliau tetap akan terpahat dalam ingatan dan sejarah, ketika Unimas menapak ke hadapan, mencapai matlamatnya.

Ketika menyampaikan ucapan pada 17 Jun 2000 itu, suara beliau sudah kedengaran sedikit gementar, dan ucapan itu terpaksa disampaikan ketika beliau duduk. Namun, beliau tidak mahu mengecewakan graduan dan warga Unimas. Malah, sehari sebelum itu pun, beliau bersama-sama Toh Puan merasmikan Pesta Konvo di kampus.

Itulah semangat pejuang dan seorang nasionalis yang tidak pernah mahu menyerah kalah. Allahyarham Tun Ahmad Zaidi Aduce Mohammad Noor, mantan Canselor Unimas berjasa besar dalam membentuk Unimas pada peringkat awal usianya.

Hebert N. Casson pernah menyatakan bahawa tidak ada di dunia ini yang lebih penting untuk anda, selain daripada berjasa kepada sesama manusia, bangsa dan negara serta demi Tuhan. Sesungguhnya, inilah yang telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Ahmad Zaidi.

Dalam ucapan Konvokesyen sulung itu beliau yang mula dilantik sebagai Canselor Unimas pada tahun 1994, menasihati graduan agar meneruskan pelajaran berdasarkan pegangan, belajar sepanjang hayat, kerana "penerimaan ijazah bukan bererti tamatnya pembelajaran. Sebaliknya, ia merupakan permulaan satu tahap pembelajaran baru dalam hidup bermasyarakat".

"Untuk berjaya dalam alam pekerjaan yang mencabar, perlulah bina sikap kerja yang positif dengan pemikiran terbuka, proaktif, ramah, berdikari, yakin diri, dan bekerjasama," kata beliau dalam ucapan yang bersejarah itu.

Ketika menyampaikan pidato penghargaan bagi Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang di Majlis Konvokesyen Ke-21 Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 1993,

Allahyarham Tun turut mengingatkan graduan agar menganggap kejayaan di universiti sebagai permulaan proses alam pekerjaan dan kemajuan diri.

Katanya: "Walau apa pun bentuk peker-

jaan yang diceburi, saya ingin menyeru agar para graduan terus berusaha untuk menjadikan budaya menimba ilmu dan pengalaman sebagai satu cara hidup. Menimba ilmu bukanlah hanya setakat berada di universiti," katanya sambil menambah bahawa ia merupakan proses berterusan yang tiada garis penamat.

Sementara itu, dalam Konvokesyen Keempat tahun lalu, Tun Canselor berharap agar Unimas terus meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakatnya, dengan mempelajari perkembangan yang pesat dalam bidang ilmu dan teknologi.

Katanya: "Organisasi yang sanggup belajar akan berjaya dan maju. Organisasi yang tidak mengamalkan budaya 'learning organisation' akan gugur dan tumbang".

Allahyarham Tun Ahmad Zaidi menganggap bahawa Unimas berpotensi menjadi penggerak pembangunan sosioekonomi sekelilingnya. Dalam hubungan ini, kata beliau, pihak pengurusan Unimas perlu meningkatkan penglibatan masyarakat sekeliling dalam pembinaan dan penyelenggaraan kampus dan dalam pembekalan peralatan, barangan dan khidmat yang diperlukan olehnya.

"Unimas harus memberi perhatian khas kepada pengusaha kecil dan sederhana, terutama sekali pengusaha Bumiputera, yang berkelayakan dengan memberi peluang kepada mereka untuk terlibat dalam pembangunan dan urusan universiti," katanya.

Ketika berucap pada Persidangan Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Sarawak Mei lalu, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menyatakan bahawa Allahyarham Tun Ahmad Zaidi telah pun menggunakan segala pelajaran tinggi dan pengalaman beliau untuk membangunkan negeri Sarawak.

Kata Datuk Taib: "Dari pengalaman itu, tiap-tiap ada perbincangan mengenai dasar-dasar baru, saya berasa beruntung sekali kerana Allahyarham telah dapat memberi saya satu pandangan yang sesuai dengan sikap-sikap orang kita di negeri Sarawak. Oleh itu itu, anak dasar yang kita gubal di negeri ini mendapat sumbangan

yang membolehkan dasar itu menjadi lebih pragmatik".

Pengorbanan Allahyarham Tun Ahmad Zaidi terserlah dalam kata-kata Ketua Menteri ketika melancarkan biografi *Tun Ahmad Zaidi: Sons of Sarawak* di Astana, Petra Jaya pada 2 Oktober 2000.

Dalam ucapan itu Datuk Taib melakarkan kata-kata: "Tun, contoh yang Tun berikan dalam menjaga kebajikan rakyat, bekerja bertungkus-lumus tanpa mengharapkan balasan, sebaliknya sedia melakukan pengorbanan, penuh kesabaran dan keberanian merupakan contoh terbaik yang perlu ada pada seorang ahli politik yang benar-benar mementingkan rakyat". Bagi penulis biografi itu, James Ritchie, sepanjang hidupnya, Tun Ahmad Zaidi berjuang untuk membawa rakyat bersatu. Beliau mengutamakan rakyat daripada dirinya sendiri dan untuk pengorbanannya inilah, maka beliau selamanya akan diingati. Nama beliau akan terus tercatat dalam lembaran sejarah dan diingati dari generasi ke generasi dengan penuh penghormatan dan maruah.

Mantan wartawan *New Straits Times* yang banyak berdamping dengan Tun Ahmad Zaidi itu berpendapat dengan kembalinya Tun Ahmad Zaidi kepada-Nya maka "kembaliilah seorang Tuan Yang Terutama, ketua yang telah membina satu teladan yang sukar ditandingi, hilanglah seorang pahlawan, yang tidak mengenal batas dan sempadan, seorang negarawan ulung yang tidak mengenal penat lelah, sakit perit, dan seorang tokoh Islam yang hidup dan matinya dalam kesederhanaan dan keprihatinan".

Pemangku Naib Canselor Prof Yusuf Hadi menyifatkan Allahyarham Tun sebagai tokoh yang tepat sekali dilantik sebagai Canselor pertama Unimas, menepati perumpamaan bak sirih pulang ke gagang.

"Allahyarham Tun banyak memberi nasihat, sabar mendengar hujah dan pandangan dan berpengetahuan luas dalam sejarah. Beliau sentiasa ingin tahu akan perkembangan terkini Unimas, termasuk pembinaan kampus barunya," kata Prof Yusuf.

Bagi Unimas, kehilangan beliau begitu terasa, dan nama Tun Ahmad Zaidi tetap akan terukir dengan tinta emas dalam lembaran sejarahnya.



Dari muka 13

untuk warga dan pengunjung yang cacat seperti lorong untuk kereta roda.

Akan terdapat pelbagai bangunan moden yang futuristik seni binanya dan mengambil kira nilai estetika. Purata ketinggian bangunan ialah empat tingkat, manakala Pusat Khidmat Maklumat Akademik (CAIS) ialah lima tingkat. Bangunan didirikan dari platform yang berlainan ketinggian agar menampakkan dua banjaran bukit (ridge) yang menandakan kawasan utara dan selatan

secara automatik dibuka sekitar 10 minit lebih awal sebelum pelajar menapak ke dalam dewan kuliah.

Kolej pelajar bereka bentuk 'apartmen'; lapan orang pelajar berkongsi satu apartmen yang lazimnya mempunyai tiga bilik bujang dan dua bilik untuk dua orang. Setiap apartmen dibekalkan dengan ruang rehat, bilik mandi dan tandas, serta satu kawasan 'dapur' untuk memasak air dan memanaskan makanan. Pelajar dalam sesuatu apartmen diberi tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan apartmen masing-masing.

seluas 645 ekar. Sebenarnya ini ialah sebahagian daripada luas keseluruhan kampus yang berjumlah 2088 ekar.

Unimas mahu menanggalkan imej 'menara gading' yang terasing daripada komuniti. Justeru, anggota masyarakat di luar sana tidak perlu gusar, kerana kampus yang berkonsep terbuka itu sentiasa mengalu-alukan kedatangan anda. Anda boleh pergi ke kampus dengan kereta menggunakan jalan yang melingkari kawasan kampus. Tempat letak kereta yang mencukupi disediakan. Anda juga boleh berjalan kaki melalui lorong pejalan kaki (spine) yang dipayungi kanopi pokok yang merimbun. Atau anda bisa sahaja mengayuh basikal kerana laluan berbasikal disediakan untuk anda.


"Unimas akan membenarkan masyarakat tempatan mengunjungi kampusnya, menggunakan kemudahannya, serta menggalakkan penglibatan mereka dalam kegiatan akademik, budaya, sosial, dan sukan universiti," kata beliau, sambil menambah, kampus baru itu akan mempunyai padang golf 18 lubang, empat buah padang bola, selain gelanggang sukan yang lain.

Upacara pecah tanah telah dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada 20 November 1999. Peruntukan awal yang diberi kepada Unimas telah memungkinkannya menyiapkan reka bentuk skematik. Pembinaan kampus baru itu akan dijalankan dalam dua peringkat, sebahagian besar ongkosnya diperuntuk daripada pinjaman daripada Japanese Bank for International Cooperation (JBIC), dan selebihnya ditanggung oleh kerajaan.

Pengurus Pembangunan, Encik Ahmad Katang menjelaskan bahawa kerja-kerja tanah dan infrastruktur Fasa I Kampus Tetap dimulakan pada 30 Jun lalu, merangkumi dua bahagian, kini sedang rancak dijalankan. Ini termasuk pembinaan jalan dan parit, platform untuk bangunan, pembinaan tangki air, terowong utiliti untuk menempatkan paip air, kabel telefon dan elektrik, serta stesen elektrik dan sistem kumbahan.

Ketika melawat tapak pembinaan baru-baru ini, pekerja sedang sibuk menyiapkan terowong utiliti kalis air sepanjang 3 kilometer yang bakal menempatkan infrastruktur teknologi maklumat, kabel elektrik, paip air, dan sebagainya. Sekitar 400 pekerja tempatan

Bersambung di muka 17



kampus.

Apabila pengunjung memasuki sesebuah bangunan, anda akan dialu-alukan oleh staf dari belakang kaunter di tingkat satu. Anda meminta panduan daripada staf berkenaan dan akan diberi panduan ke pejabat atau tempat yang dihajati. Bahagian tertentu memerlukan kad pintar untuk akses. Ini termasuk kawasan bilik staf akademik dan pengurusan. Pengunjung dan pelajar akan dilayan di ruang yang dikhaskan. Staf boleh, jika perlu, membawa pengunjung ke bilik masing-masing untuk perbincangan lanjut.

Staf menggunakan kad pintar untuk mengakses kawasan tertentu seperti pintu ke kawasan bilik pensyarah dan ke biliknya sendiri, sesuai dengan konsep kampus pintar. Konsep ini adalah berasaskan sistem pengurusan bangunan pintar (IBMS) yang dikawal secara sistem berpusat, umpamanya, pendingin hawa dan lampu di dalam bilik kuliah,

"Kampus baru akan menekankan identiti futuristik, tanpa mengetepikan adunan unsur tradisi dalam reka bentuk dan struktur tak lapuk dek zaman bagi meneguhkan citra dan perwatakannya. Kampus baru direka bentuk sedemikian rupa bagi memaksimumkan keluwesan, dengan mengambil kira perubahan dan penambahan kemudahan pada masa depan," kata Pemangku Naib Canselor Profesor Yusuf Hadi ketika ditemubual *Persada* di tapak kampus tetap baru-baru ini.

Inilah kampus idaman. Kampus berharga sekitar RM1 bilion itu akan muncul sebagai kampus terindah, tercantik dan terkini teknologinya. Dengan sendirinya, kelahiran kampus baru dijangka akan menjadi daya tarikan kepada pelajar dan staf akademik dan pengurusan. Ketika gerbangnya dibuka pada awal 2004 nanti, sebanyak 6000 orang pelajar yang bertuah akan menyedut udara kampus

Dari muka 16

ditugaskan untuk mengendalikan kerja berkaitan, dan jumlahnya dijangka meningkat kepada lebih daripada 1000 orang tidak lama lagi untuk memastikan kerja-kerja disiapkan mengikut jadual.

Bahagian I bagi kerja-kerja sebahagian kawasan pembangunan Unimas bagi menempatkan fakulti berteraskan sains, bangunan pentadbiran, kuarters kelas G dan H, dan asrama pelajar. Dalam Bahagian II akan dibina bangunan bagi fakulti seperti Fakulti Sains Sosial, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan

Manusia yang dijangka siap menjelang tahun 2005.

Tender bagi kerja-kerja tanah dan infrastruktur Fasa 1 dianugerahkan kepada PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd dan Sritani Sdn.Bhd secara usaha sama, dengan nilai kontrak kira-kira RM109 juta.

"Serentak dengan kerja infrastruktur, kerja mereka bentuk bangunan dan kemudahan, termasuk menyediakan lukisan bagi bangunan kampus tetap dilaksanakan oleh perunding. Semua dokumen berkaitan telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan untuk ditenderkan kepada pemaju. Proses tender untuk pembinaan fasa 1 sedang dilaksanakan dan dijangka boleh ditawarkan pada suku akhir tahun 2001," kata Prof Yusuf.

Ketika kerja-kerja tanah dilakukan, sebanyak 79 buah kubur, iaitu 34 buah kubur orang Cina dan 45 buah kubur orang Iban telah dipindahkan ke tapak baru jauh dari kampus. Semua ini dibuat mengikut adat-istiadat Iban dan Cina, termasuk upacara bagi memastikan roh mereka yang berkenaan hidup aman di dunia lain!

Dengan siapnya kampus baru nanti, maka akan lebih membaralahkan semangat warganya untuk memenuhi misi Unimas, menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa; dan sebagai institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, pendidikan dan keserjanaan.

## ANEKA PERISTIWA

### ■ 5 Julai

Ceramah "Connecting the Community" oleh Gabrielle Leigh di Bilik Mesyuarat Canselori anjuran The Institute of East Asian Studies, Unimas.

### ■ 6 Julai

Wacana Intelektual bertajuk "Treatment of Type 2 Diabetes: New Drugs and Approaches" oleh Profesor Tim Davis dari University of Western Australia kepada pensyarah dan warga Unimas.

### ■ 8 Julai

Pertandingan Bowling Antara Fakulti anjuran Kelab Bowling Staf Unimas di Crystal Bowl.

### ■ 9 Julai

Ceramah bertajuk "Rural Health in Cambodia" disampaikan oleh Profesor Tim Davis, Profesor Perubatan di Jabatan Perubatan, University of Western Australia di Fakulti Perubatan dan Khidmat Kesihatan, Unimas.

Mesyuarat Khas Pascasiswazah di Bilik Mesyuarat Senat.

### ■ 10 Julai

Seminar: Social Work Education and Interactive CD-ROM di Teater Multimedia, Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multi-

media (CALM), Unimas. Seminar dikendalikan oleh Profesor Fulcher dari New Zealand.

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan dan Latihan di Bilik Mesyuarat Staf.

### ■ 12 Julai

Mesyuarat Lembaga Pengurusan Ke-73 di Bilik Mesyuarat Canselori.

Ceramah Motivasi kepada pelajar disampaikan oleh penulis dan penceramah bebas, Dr Dirish Patel dari Mumbai, India.

### ■ 13 Julai

Mesyuarat Senat Ke-40 di Bilik Mesyuarat Senat

### ■ 14 Julai

Seminar Politik anjuran Program Politik dan Pemerintahan, Fakulti Sains Sosial.

Sesi Wacana Diagnosis dan Soal Jawab SALLY: Di Sebalik Kejayaan anjuran Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif di Panggung Eksprimen, Unimas.

### ■ 15 Julai

Sukan Staf Unimas di Padang Merdeka. Antara acara yang dianjurkan ialah sukaneka - tarik

tali, lari membawa bola, lumba kaki, terompak gergasi dan kereta api manusia. Acara itu bertujuan merapatkan silaturahim antara warga dan anggota keluarga Unimas.

### ■ 19 Julai

Pakar Psikologi dari Belanda Dr. Paul Deurenberg mengunjungi Fakulti Perubatan dan Khidmat Kesihatan, Unimas dari 19 hingga 21 Julai. Beliau mengongsikan kepakaran dan pengalaman tentang metabolisme tenaga, komposisi tubuh dan makanan.

10 orang pelajar UNIMAS menerima biasiswa bernilai RM7,000 setahun daripada Yayasan Gas Osaka bagi Pertukaran Kebudayaan Antarabangsa. Para pelajar ini terdiri daripada mereka yang telah membuktikan prestasi cemerlang dalam pembelajaran.

### ■ 28 Julai



Wacana Intelektual "Implementation of PBL Curriculum in Faculty of Medicine and Health Sciences, Unimas" di Bangunan Bormill pada pukul 11.00 pagi. Pembicara ialah Prof Madya Dr. Alam Sher Malek, Ketua Kumpulan Teras Paediatric, FMHS, Unimas.

### ■ 30 Julai

Seminar "Landscapes and Health in Rural Malaysia" di Bilik Mesyuarat, FSS dari 11.00 hingga 12.30 tengah hari. Pembicara ialah Dr. Adela Baer, Profesor Penyelidik, Jabatan Zoologi, Oregon State University.

### ■ 31 Julai

Seminar "Post Crisis Malaysia: Recipe for Conflict" oleh Pembantu Profesor Dr. Bridget Welsh dari John Hopkins University.

# Students advised to master ICT, English

**U**NIMAS Acting Vice-Chancellor, Professor Yusuf Hadi reminded the students to be diligent in their studies and empower themselves with English language as well as information communications technology.

He said students should realise the importance of English language and master it as a vehicle to excel in their studies.

"The students should double their efforts in mastering English. This is because as an international language, English is widely used in the knowledge portal. Here we prepare students to function effectively in the era of globalisation and k-economy," he said.

In his welcoming speech during the Students' Oath Taking Ceremony, Prof. Yusuf also advised the students to be active in extra-curricular activities and sensitive to local and global current issues to enable them to face any challenges in the borderless world. A total of 1,300 new students enrolled for 2001/2002 session.

Prof. Yusuf said the campus was a platform for students to broaden their mental horizon and weltanschauung, therefore they should make full use of the opportunities while in Unimas in order to achieve their ambitions.

"To participate in the new k-economy, the students need to acquire new skills and new knowledge," Prof. Yusuf said.

He also advised the students to always uphold the good name and image of Unimas by respecting each other regardless of one's background. Therefore, he hoped that as part of a campus community the students should maintain the peacefulness and harmonious environment.

"Be tolerant, co-operative, and considerate, and fully utilise the opportunities available by honing your skill so that you can face the challenges ahead," he stressed.

The management, Prof. Yusuf said, regarded the university students as adults. As such, they are free to voice their views so long as it is presented with decorum, and through proper channel so as not to jeopardise the prevailing harmonious situation in the country.



## WELCOME TO KUCHING!

**W**hile you are in Kuching, make full use of your time to explore what is in store in this historical, commercial and administrative hub of Sarawak.

Kuching is only 30 minutes' drive from the campus. There are several places of interest to explore and bring your family. Kuching Waterfront, a beautifully landscaped arena with food stalls, walking paths, and musical fountain, facing Sarawak River – Sungai Sarawak – should not be missed.

Kuching Waterfront is a grate favourite among Kuching residents and tourists. You can also cruise on the Sarawak River by using the 'penambang' or water taxi. From the Sarawak River you can view the panoramic view of Kuching City.

A visit to Sarawak Museum is also a must. This will enable the visitors to re-live the States's and the city's historical splendour and acquaint themselves with the diverse cultural heritage.

In fact, Kuching is a showcase of many different and interesting arts, cuisines, traditions and lifestyles of more than 15 eth-

nic groups in Sarawak. The Sarawak Cultural Village, about 40 minutes' drive from Kuching preserves the age-old traditional heritage of the main ethnic groups in cultural presentations. And, nearby, the legendary Gunung Santubong rises majestically from the mouth of Sarawak River.

You have the chance to savour a plethora of delicious food while in Kuching. Do not miss the chance to taste the delectable Laksa Sarawak, mi kolok and other local and Western cuisine at fast food centres, hawker fare, coffee shops, restaurants and several international hotels.

Kuching is a shopper's paradise. You are welcome to Sarawak Plaza and Riverside Plaza, Tun Jugah Shopping Complex, Wisma Saberakas, Wisma Satok, Kuching Plaza, as well as the famous Jalan Masjid India, Lorong Wayang and Lorong Temple which offers a wide range of hand-crafts and souvenirs by local indigenous people.

Meanwhile, do not forget to visit more than 100 stalls specially set up for Pesta Konvo 2001 in the campus.

# AKTIVITI PESTA KONVO 2 hingga 5 Ogos 2001

## ■ 2 Ogos 2001

### 9.00 – 5.00 petang

Pameran (Sekitar Kampus)

### 8.00 – 12.00 malam

Aktiviti Jualan  
(Sekitar Kampus)

### 8.30 pagi

Seminar Pembimbing Rakan Sebayu IPT Sarawak anjuran Kelab PRIMU (Bilik Multimedia)

### 9.00 pagi

Pertandingan Teka Silang Kata anjuran Ambulans St John (Laman Canselori)

### 9.00 pagi

Majlis Perasmian "Masih Ada Yang Sayang" (Pentas Karyawan)

### 10.00 pagi

Bintang Kecil (Saringan) (Pentas Karyawan)

### 2.00 petang

Pertandingan Lagu-lagu Sensasi (Saringan) (Pentas Karyawan)

### 5.00 – 6.30 petang

Pertandingan  
Tenis  
Bola Tampar  
Bola Sepak  
Futsal  
Badminton  
Sepak takraw

### 8.00 malam

Pesta Cahaya (Laman Karyawan)

### 8.30 malam

Forum Agama (Pentas Karyawan)

## ■ 3 Ogos 2001

### 9.00 – 5.00 petang

Pameran (Sekitar Kampus)

### 8.00 – 12.00 malam

Aktiviti Jualan (Sekitar Kampus)

### 9.00 pagi-5.00 petang

Pertandingan Menyumpit anjuran Kelana Siswa

(Hadapan Tasik)

### 9.00 pagi

Ceria Bersama PRIMU oleh Rumah Anak-anak Yatim (Laman Canselori)

### 9.00 pagi

Acara Teka Peluru Kapur oleh PALAPES (Tapak Pameran PALAPES)

### 9.00 pagi-5.00 petang

Pertandingan Teka Silang Kata anjuran Ambulans St John (Laman Canselori)

### 10.00 pagi

Bintang Kecil (Akhir) (Pentas Karyawan)

### 2.00 petang

Pertandingan Lagu-lagu Sensasi (S/ Akhir) (Pentas Karyawan)

### 3.00 petang

Konvoi dan pertunjukan 'Big Bikers' (Laman Karyawan)

### 2.30 – 4.00 petang

Majlis Perasmian Hari Terbuka UNIMAS (hadapan Bangunan Canselori)

### 5.00 – 6.30 petang

Pertandingan  
Tenis  
Bola Tampar  
Bola Sepak  
Futsal  
Sepak takraw

### 8.30 malam

Malam Getaran Jiwa (Pentas Karyawan)

### 8.30 malam

Pertandingan Gema Puisi Pelbagai Kaum oleh Kelab CINTAMU (Laman Canselori)

## ■ 4 Ogos 2001

### 7.30 pagi

Majlis Konvokesyen ke-5 (Sesi Pagi) (Dewan UNIMAS)

### 9.00 – 5.00 petang

Pameran (Sekitar Kampus)

### 8.00 – 12.00 malam

Aktiviti Jualan (Sekitar Kampus)

### 8.30 pagi

Pertandingan Pantun Rakan Muda Rakan Seni Budaya IPT Sarawak anjuran Kelab IBSU (Kolej Kenari)

### 9.00 pagi

Pertandingan Mereka Cipta Layang-Layang Cantik (Laman Karyawan)

### 9.00 pagi-5.00 petang

Pertandingan Menyumpit anjuran Kelana Siswa (Hadapan Tasik)

### 9.00 pagi-5.00 petang

Pertandingan Teka Silang Kata anjuran Ambulans St John (Laman Canselori)

### 9.00 pagi

Free Jamming Session dan Karaoke (Pentas Karyawan)

### 2.00 petang

Majlis Konvokesyen Ke-5 (Sesi Petang) (Dewan UNIMAS)

### 4.00 petang

Pertunjukan Khas Waja Diri (Laman Pentas Karyawan)

### 4.00 petang

Persembahan Pertolongan Cemas oleh Kelab Ambulans St John (Laman Karyawan)

### 8.00 – 5.00 petang

Pertandingan Memanah Jemputan Sepak Takraw Bola Tampar Futsal Bola Sepak Kayak (Pusingan Ketiga)

### 8.00 malam

Gameshow dan Pertandingan "Tiru Macam Saya" (Pentas Karyawan)

### 8.00 malam

Gema Gemilang UNIMAS

(Pentas Utama)

## ■ 5 Ogos 2001

### 9.00 – 5.00 petang

Pameran (Sekitar Kampus)

### 8.00 – 12.00 malam

Aktiviti Jualan (Sekitar Kampus)

### 9.00 pagi

Pertandingan Melukis/ Mewarna Kanak-kanak (Anjung Food Court)

### 9.00 pagi

Pertandingan Teka Silang Kata anjuran Ambulans St John (Laman Canselori)

### 9.00 pagi-5.00 petang

Pertandingan Menyumpit anjuran Kelana Siswa (Hadapan Tasik)

### 11.00 pagi

Pertandingan Bercerita Kanak-kanak (Pentas Karyawan)

### 2.00 petang

A & W Kids Show (Pentas Karyawan)

### 4.00 petang

Santai Puisi (Pentas Karyawan)

### 8.00 – 5.00 petang

Pertandingan Kayak Sepak Takraw Bola Tampar Futsal Bola Sepak (Pertandingan Akhir)

### 8.30 malam

Fiesta Gemilang BAYU (Pentas Karyawan) 8.00 malam

**Pengumuman Keputusan  
Pertandingan Menyumpit,  
Teka Silang Kata dan Teka  
Peluru Kapur**  
(Pentas Karyawan)

# Sekitar Sukan Staf

